

NO. SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO- LEUNG
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 41

YB Tuan Gooi Hsiao- Leung [Alor Setar] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa pemohon yang berjaya undi "ballot" untuk projek perumahan PR1MA di Alor Setar terpaksa melepaskan pembelian mereka kerana gagal mendapat pinjaman perumahan atau disebabkan amaun kelulusan pinjaman bank terlalu rendah.

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebanyak 1,200 unit kediaman PR1MA akan dibina di Alor Setar. Projek ini belum diundi dan masih terbuka untuk permohonan. Ianya dijangka akan diundi dalam tempoh terdekat.

Secara keseluruhan di Negeri Kedah, PR1MA telah melaksanakan jualan dan pemilihan kediaman bagi 2,440 unit untuk projek di Sungai Petani 1 dan 2, Kuala Ketil serta Padang Meha. Sehingga kini, sebanyak 410 pembeli telah berjaya mendapat kelulusan pinjaman daripada institusi kewangan masing-masing. Manakala jumlah selebihnya sedang berada dalam proses kelulusan oleh pihak bank. Berkenaan pembeli yang menghadapi masalah pembiayaan pula, sebanyak 910 permohonan pinjaman telah ditolak oleh institusi kewangan.

Menyedari dilema pembeli dalam mendapatkan pembiayaan rumah, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan satu skim khas khusus untuk pembeli kediaman PR1MA. Skim terbaru ini akan memberi peluang kepada pembeli mendapat akses

yang lebih baik dan jumlah pinjaman yang lebih tinggi nilainya. Skim ini dikenali sebagai **Skim Pembiayaan Fleksibel (SPEF)**. Skim tersebut merupakan hasil kerjasama antara Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan 4 institusi kewangan iaitu Maybank, CIMB Bank, RHB Bank dan AmBank.

Melalui SPEF, pembeli yang layak boleh membayar ansuran bulanan pinjaman rumah yang lebih rendah daripada pinjaman biasa. Insyallah dengan pelaksanaan SPEF akan mengalakkan lagi jualan kediaman PR1MA dan meningkatkan pemilikan rumah di kalangan golongan sasaran.

Sekian. Terima kasih.